

DALAM MAHKAMAH SESYEN JOHOR BHARU**DALAM NEGERI JOHOR DARUL TAKZIM****PERMOHONAN PELAKSANAAN****(SAMAN PENGHUTANG PENGHAKIMAN) NO – JA-56J-15-04/2022****ANTARA****LIM CHEE AIK VINCENT (LIN ZHIYI VINCENT)**

[Passport No.: K1173602N]

[K H LOO & CO.] ...PEMIUTANG PENGHAKIMAN**DAN****PERBADANAN SETIAUSAHA KERAJAAN JOHOR (SSI)****[AISHAH A RAHMAN] ...PENGHUTANG PENGHAKIMAN****ALASAN PENGHAKIMAN****LATARBELAKANG KES**

Ini adalah rayuan Perayu/Penghutang Penghakiman terhadap keputusan Mahkamah ini bertarikh 20/9/2022 yang memerintahkan bahawa Penghutang Penghakiman membayar jumlah penghakiman setakat 31/3/2022 berjumlah RM552,466.36 dan dibayar sekaligus dalam tempoh 3 bulan daripada tarikh hari ini bersama kos tindakan dan jika gagal, Penghutang Penghakiman yang dinamakan dalam Saman Penghutang



Penghakiman di Lampiran 2 dikomitkan ke penjara atas sebab menghina perintah Mahkamah di sini.

KEPUTUSAN DAN DAPATAN MAHKAMAH.

- [1] Tindakan ini dimulakan dengan satu Permintaan untuk Saman Penghutang Penghakiman di Lampiran 1 di bawah Aturan 74 Kaedah 11A Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 dan Seksyen 4 Akta Penghutang 1957.
- [2] Saman Penghutang Penghakiman ini dipohon oleh Pemutang penghakiman, LIM CHEE AIK VINCENT (LIN ZHIYI VINCENT) [Passport No.: K1173602N] terhadap YB Dato Haji Azmi Bin Rohani sebagai pegawai bagi Penghutang Penghakiman, PERBADANAN SETIAUSAHA KERAJAAN JOHOR (SSI) yang beralamat di Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor, Aras 3, Bangunan Dato' Jaafar Muhammad, Kota Iskandar, 79503 Iskandar Puteri Johor berkenaan dengan penghakiman bertarikh 26/11/2019 yang masih belum dijelaskan berjumlah RM551,466.36 setakat 31/3/2022, perintah untuk kos di dalam ini bertarikh 20/3/2021 sebanyak RM500.00 dan perintah untuk kos di dalam ini bertarikh 18/11/2021 sebanyak RM500.00.
- [3] Saman Penghutang Penghakiman di Lampiran 2 telah berjaya diserahkan kepada penama yang dinamakan dalam Saman



Penghutang Penghakiman iaitu YB Dato Haji Azmi Bin Rohani dan seterusnya penama telah melantik peguam bagi mewakili beliau dalam prosiding perbicaraan bagi Pemeriksaan Saman Penghutang Penghakiman.

- [4] Dalam tindakan ini, pihak Pemohon Penghakiman telah melampirkan Penghakiman yang direkodkan terhadap Penghutang Penghakiman dan Mahkamah telah berpuashati bahawa tiada apa-apa prosiding bagi menghalang Pemeriksaan Penghutang Penghakiman diteruskan di Mahkamah ini (e.g Penggantungan pelaksanaan, Rayuan dan lain-lain).
- [5] Mahkamah merujuk kepada peruntukan undang-undang yang dibawa oleh Pemohon Penghakiman dalam tindakan ini.

a) **Aturan 74 Kaedah 11A Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012**

74 Akta Penghutang 1957

11A. Permintaan bagi saman penghutang penghakiman (A. 74 k. 11A)

Mana-mana orang yang berhak untuk menguatkuasakan suatu penghakiman atau suatu perintah bagi pembayaran wang, sama ada secara ansuran atau selainnya, boleh memohon bagi suatu saman penghutang penghakiman di bawah seksyen 4 Akta dengan



memfaikan suatu permintaan dalam Borang 174 yang ditandatangani oleh pemohon atau peguamnya.

b) **Seksyen 4 Akta Penghutang 1957.**

Seksyen 4 Saman penghutang penghakiman

(1) Jika penghakiman mahkamah adalah bagi mendapatkan kembali atau pembayaran wang sama ada secara ansuran atau sebaliknya pihak yang berhak menguatkuasakannya (kemudian daripada ini disebut pemutang penghakiman) boleh, tertakluk kepada dan mengikut apa-apa kaedah mahkamah, memanggil penghutang penghakiman, **atau sekiranya penghutang penghakiman itu adalah suatu perbadanan seorang pegawai perbadanan itu,** untuk diperiksa secara lisan di hadapan mahkamah berkenaan dengan keupayaan penghutang penghakiman membayar atau menyelesaikan hutang penghakiman dan bagi mendapatkan harta yang boleh digunakan bagi pembayaran tersebut dan bagi pelupusan harta itu yang telah dibuat oleh penghutang penghakiman tersebut.

(2) Penghutang penghakiman, atau, jika penghutang penghakiman itu ialah suatu perbadanan, pegawainya yang telah dipanggil, hendaklah, apabila diminta, mengemukakan segala buku, suratan



atau dokumen dalam miliknya atau kuasanya berhubungan dengan harta tersebut.

(3) Pemutang penghakiman, boleh mensepina sebagai seorang saksi mana-mana orang yang dia berpendapat mungkin boleh memberi maklumat berkenaan dengan keupayaan penghutang penghakiman membayar hutang penghakiman atau berkenaan dengan hartanya.

(4) Sama ada penghutang penghakiman, atau, jika penghutang penghakiman itu ialah suatu perbadanan, pegawainya hadir atau tidak pemutang penghakiman dan saksi-saksi lain bolehlah diperiksa dengan bersumpah berkenaan dengan perkara yang tersebut dahulu.

(5) Jika penghutang penghakiman, atau jika penghutang penghakiman itu ialah suatu perbadanan, pegawainya yang telah diberitahu dengan sempurnanya tidak hadir, mahkamah boleh-

(a) memerintahkan supaya dia ditangkap dan dibawa ke hadapan mahkamah untuk diperiksa; atau

(b) membuat suatu perintah ex parte terhadap penghutang penghakiman itu.



- (6) Selepas pemeriksaan atau ketidakhadiran itu seperti yang tersebut dahulu mahkamah boleh memerintahkan pengutang penghakiman itu membayar hutang penghakiman itu sama ada-
- (a) sekaligus dengan serta-merta atau dalam suatu tempoh yang ditetapkan oleh mahkamah; atau
- (b) dengan apa-apa ansuran yang kena dibayar pada sesuatu masa yang ditetapkan oleh mahkamah.
- (7) Jika pengutang penghakiman ingkar membayar mengikut perintah sedemikian, suatu notis di dalam borang yang ditetapkan oleh kaedah-kaedah mahkamah bolehlah dikeluarkan atas permintaan pembiutang penghakiman, yang meminta pengutang penghakiman itu hadir di hadapan mahkamah pada masa yang ditetapkan di dalamnya dan menunjukkan sebab mengapa dia tidak patut dipenjarakan kerana keingkaran tersebut.
- (8) Mana-mana notis sedemikian hendaklah disampaikan sendiri kepada pengutang penghakiman; dan jika, pada hari yang tersebut itu atau pada mana-mana hari yang berikut yang mana perkara itu mungkin ditangguhkan, tiada apa jua sebab yang mencukupi diberi oleh pengutang penghakiman itu, mahkamah boleh mengkomitkannya ke penjara sivil selama suatu tempoh yang boleh sampai enam minggu atau sehingga terlebih dahulu dibayar apa-



apa ansuran atau ansuran-ansuran atau jumlah wang lain yang kena dibayar.

(9) Seseorang penghutang tidak boleh dipenjarakan di bawah seksyen ini melainkan jika didapati bahawa, semenjak tarikh perintah mengarahkan pembayaran, sama ada dengan serta merta atau dalam sesuatu tempoh yang dinyatakan atau secara ansuran, dia mempunyai pendapatan yang cukup bagi mematuhi perintah itu.

- [6] Berdasarkan peruntukan undang-undang yang dirujuk, Mahkamah telah menjalankan tanggungjawab dalam memastikan prosiding dijalankan sebagaimana diperuntukkan memandangkan perintah Saman Penghutang Penghakiman memberi kesan besar sehingga penama/Penghutang Penghakiman boleh dikomitkan ke penjara jika perintah di bawah Saman Penghutang Penghakiman ini gagal dipatuhi.
- [7] Mahkamah merujuk kepada kes ***LOI TECK CHAI lwn. KINTA MEDICAL CENTRE SDN BHD, MAHKAMAH TINGGI MALAYA, IPOH [2019] 1 LNS 400*** yang memutuskan:

Abstrak: 1. **Saman penghutang penghakiman perlu diserahkan ke atas pegawai perbadanan yang semasa dan terkini sahaja**
dan sebarang penyampaian ke atas pegawai yang telah meletak jawatan adalah tidak sah.



Abstrak 2. Oleh kerana kesan proses saman penghutang penghakiman adalah serius, maka saman penghutang penghakiman perlu diserahkan secara kediri. Saman penghutang penghakiman boleh disampaikan secara ganti jika terdapat perintah mahkamah untuk berbuat demikian.

[15] Kesan proses Saman penghutang penghakiman ini adalah serius dimana penghutang penghakiman boleh ditangkap dan dipenjarakan dan disebabkan itulah saman penghutang penghakiman perlu diserahkan secara kendiri. Walaubagaimanapun meneliti ayat yang dinyatakan didalam Aturan 74 11D (2) KKM 2012 tersebut iaitu "Unless the Court otherwise orders", ia memberi kuasa kepada mahkamah untuk memerintahkan selainnya. Ini juga diputuskan di dalam kes Lim Gag @ Lim Hua Chuan v. Ng Sen Yap (Berniaga sebagai Swee Choon Hin Trading Co) (supra) yang diputuskan oleh Ahmad Maarop JC (pada masa itu) dimana isu yang sama dibangkitkan. Dalam kes tersebut telah diputuskan dan saya bersetuju bahawa:

Saya berpendapat walaupun peruntukan tersebut menyatakan bahawa saman penghutang penghakiman mesti disampaikan kediri orang yang disaman sekurang-kurang 7 hari sebelum hari yang ditetapkan bagi pendengaran, terdapat pengecualian kepada



peraturan ini. Perkataan-perkataan "melainkan jika diperintahkan selainnya oleh mahkamah" memberikan kuasa kepada mahkamah untuk mengecualikan penyampaian saman penghutang penghakiman secara kediri sekurang-kurangnya 7 hari sebelum hari yang ditetapkan bagi pendengaran. Dalam lain-lain perkataan, saman penghutang penghakiman boleh disampaikan melalui saman gantian jika terdapat perintah mahkamah untuk berbuat demikian.

- [8] Dalam kes di Mahkamah ini sekarang, serahan adalah teratur dibuat secara kediri kepada YB Dato Haji Azmi Bin Rohani iaitu Setiausaha Kerajaan Johor. Memandangkan Penghutang Penghakiman adalah satu Perbadanan, penama yang dinamakan adalah wakil Penghutang Penghakiman. Penama sedar akan tindakan yang dibawa oleh Pemutang Penghakiman dan seterusnya telah melantik peguam mewakilinya.
- [9] Walaubagaimanapun, semasa perbicaraan di Mahkamah Terbuka, Peguamcara Penama hadir dan memohon Mahkamah menggunakan budibicara bagi Penama menghantar wakil beliau melalui satu surat wakil yang dikemukakan ke Mahkamah.
- [10] Mahkamah telah menggunakan budibicara Mahkamah dan membenarkan wakil hadir bagi tujuan pemeriksaan dan mengemukakan dokumen bagi pihak Penghutang Penghakiman.



Pada dapatan Mahkamah, prosiding Saman Penghutang Penghakiman adalah satu prosiding untuk memeriksa keupayaan Penghutang Penghakiman dan wakil yang hadir telah diberikan kuasa, perlu membawa dokumen atau memberi keterangan bersumpah yang boleh membantu Mahkamah menentukan keupayaan Penghutang Penghakiman.

- [11] Oleh demikian, Mahkamah telah membenarkan 2 orang wakil Penama hadir memberi keterangan di Mahkamah dengan megemukakan dokumen-dokumen yang telah dinyatakan dan diperlukan oleh pihak Pembiutang Penghakiman dan Mahkamah sendiri.
- [12] Pada mulanya, wakil Penama/Penghutang Penghakiman telah hadir pada 21/6/2022 iaitu Pn. Hanizah Binti Pakah iaitu Pengurus Dasar, Integriti dan Governans Perbadanan Bioteknologi dan Biodiversiti Negeri Johor. Walaubagaimanapun, maklumat yang diberikan tidak banyak membantu Mahkamah dan Mahkamah mengarahkan agar maklumat tambahan dibekalkan ke Mahkamah. Seterusnya Penghutang Penghakiman menghantar wakil ke-2 iaitu En. Ambok Nani Bin Muhamad Nor, Ketua Unit, Unit Pengurusan Perbadanan Setiausaha Negeri Johor.



- [13] Hasil daripada maklumat yang dikemukakan oleh 2 wakil Penghutang Penghakiman tersebut, secara keseluruhannya Mahkamah simpulkan bahawa 2 wakil berkenaan tidak dibenarkan memberikan maklumat terpeinci berhubung hal ehwal Penghutang Penghakiman kerana mereka tertakluk di bawah Akta Rahsia Rasmi dan maklumat adalah sulit.
- [14] Walaupun begitu, secara umumnya, wakil Penghutang Penghakiman ada menyatakan bahawa Penghutang Penghakiman adalah sebuah Perbadanan yang ada mengutip hasil dari sewaan/pajakan dan lain-lain tetapi apa-apa wang yang diterima oleh Penghutang Penghakiman dimasukkan ke Akaun Hasil Yang di Satukan iaitu ia sebahagian daripada hasil bagi Kerajaan Negeri Johor.
- [15] Menurut maklumat tersebut juga, Penghutang Penghakiman tidak mempunyai unit kewangan tersendiri. Hasil pemeriksaan yang dijalankan, Mahkamah mendapati bahawa 2 wakil tersebut tidak menyatakan samada Perbadanan i.e Penghutang Penghakiman tiada aset/wang/keupayaan tetapi maklumat terpeinci tersebut tidak dapat dibekalkan kepada Mahkamah kerana ia adalah sulit dan menerima arahan untuk tidak dizahirkan.



- [16] Dalam pada itu, pihak Pemutang Penghakiman telah mengemukakan satu carian melalui Suruhanjaya Syarikat Malaysia satu syarikat di bawah syarikat Sendirian Berhad iaitu Permodalan Darul Takzim Sdn. Bhd. dan dieksibitkan ke Mahkamah sebagai eksibit “P1”.
- [17] Dalam carian P1 tersebut, pemegang saham tunggal dalam Permodalan Darul Takzim Sdn. Bhd. (PTD) adalah PERBADANAN SETIAUSAHA KERAJAAN JOHOR (SSI). Pegangan saham SSI adalah sebanyak 1,000,002unit saham biasa bernilai RM1,000,002.00 dan nilai aset PTD adalah lebih kurang RM600 juta.
- [18] Pada peringkat ini, pihak Penghutang Penghakiman membantah kepada penggunaan eksibit P1 tersebut dalam menyokong permohonan Pemutang Penghakiman dan membangkitkan isu bahawa aset-aset yang didaftarkan atas nama syarikat adalah hak milik syarikat dan tidak boleh dituntut oleh Pengarah atau Pemegang saham.
- [19] Mahkamah pada peringkat ini menekankan semula apa tujuan prosiding pemeriksaan Saman Penghutang Penghakiman dijalankan. Tujuan utama adalah untuk melihat keupayaan Penghutang Penghakiman dalam membayar jumlah penghakiman



yang tertunggak yang mana dalam tindakan ini tidak menjadi pertikaian.

- [20] Daripada keseluruhan keterangan wakil yang hadir memberi keterangan bersumpah di Mahkamah, walaupun mereka dikatakan terikat dengan arahan dan dokumen-dokumen sulit yang mereka nyatakan sebagai Rahsia Rasmi, Mahkamah tidak bergantung kepada aset di bawah PTD semata.
- [21] Apa yang tidak disangkal oleh 2 wakil Penghutang Penghakiman, kedua-dua mereka bersetuju dan mengesahkan bahawa SSI adalah sebuah badan yang mempunyai tugas dan fungsi tersendiri dan SSI mempunyai harta-harta/aset di bawah milikan sendiri (yang mana butir tidak dapat dinyatakan) yang disewakan dan dikutip hasil. Hasil kutipan sewa,pajakan dan/atau lain-lain sumber kewangan kemudiannya dimasukkan ke akaun Hasil yang disatukan yang dikawal oleh Kerajaan Negeri Johor. Dalam masa yang sama, SSI juga ada mempunyai saham di PTD.
- [22] Dalam masa yang sama, jika dirujuk Penghakiman yang direkodkan pada 26/11/2019, ia adalah bermula sari satu tindakan oleh Plaintiff terhadap Defendan Pertama dan Defendan Kedua (SSI) berhubung satu bidang tanah yang dipegang/dimiliki oleh Defendan Kedua (SSI). Perjanjian adalah untuk jualbeli/pajakan. Ini bermakna SSI



ada aset (hartanah) dan sumber/hasil (pajakan, sewaan, jualbeli dan lain-lain).

- [23] Isu dari mana punca kewangan untuk SSI ambil dan membayar tuntutan Pembiutang Penghakiman adalah terpulang kepada SSI. Apa yang penting, daripada pemeriksaan yang dijalankan, Mahkamah berpuashati bahawa SSI mempunyai keupayaan untuk menjelaskan tuntutan yang tidak dinafikan/dipertikaikan.
- [24] Mahkamah ingin tegaskan bahawa sepanjang pemeriksaan Saman Penghutang Penghakiman dijalankan, pihak SSI tidak pernah menafikan atau mempertikaikan penghakiman yang direkodkan. Dalam apa jua cara, setiap penghutang penghakiman dalam satu-satu tindakan harus menyelesaikan penghakiman yang direkodkan terhadapnya. Dalam tindakan ini, pihak Pembiutang Penghakiman telah memilih untuk menjalankan pelaksanaan melalui tindakan Saman Penghutang Penghakiman.
- [25] Mahkamah merujuk kes **MOHD KAMAL OMAR v. UNITED OVERSEAS BANK (MALAYSIA) BHD & OTHER APPEALS, FEDERAL COURT, PUTRAJAYA, ZULKEFLI AHMAD MAKINUDIN PCA; ZAINUN ALI FCJ; RAMLY ALI FCJ; AZAHAR MOHAMED FCJ; BALIA YUSOF WAHI FCJ [2018] 5 CLJ 657**



(3) Pemutang penghakiman berhak memulakan apa-apa bentuk pelaksanaan yang sedia ada dan dalam hal ini, tidak boleh meneruskan cara pelaksanaan lain secara serentak. **Saman penghutang penghakiman bawah Bahagian III Akta adalah peruntukan istimewa yang membenarkan JC mendapatkan semula atau memperoleh bayaran wang secara ansuran atau sebaliknya**. Pemutang penghakiman harus memenuhi peruntukan yang disediakan bawah Akta apabila JC memilih untuk terus menguatkuasakan penghakiman muktamad yang diperoleh melalui SPP.

[26] Mahkamah juga merujuk kes **AZLIN AZRAI LAN HAWARI v. UNITED OVERSEAS BANK (MALAYSIA) BHD & OTHER APPEALS**

COURT OF APPEAL, PUTRAJAYA, ALIZATUL KHAIR OSMAN JCA; NALLINI PATHMANATHAN JCA; ZABARIAH MOHD YUSOF JCA [2017] 10 CLJ 18

[27] Firstly, the JDS is no bar to proceedings in execution. The JDS order is made pursuant to the Debtors Act 1957. It is a law promulgated by Parliament to consolidate the laws in relation to debtors which are to be found in the Debtors Ordinance of the Straits Settlements and the Civil Procedure Codes and Rules of Court and



to ensure uniformity throughout the Federation. The JDS order was made pursuant to s. 4(1) and 4(6) of the Debtors Act 1957 which provides that:

(1) Where the judgment of a court is for the recovery or payment of money... the party entitled to enforce it... may, subject to and in accordance with any rules of court, summon the judgment debtor... to be orally examined before the court respecting the judgment debtor's ability to pay or satisfy the judgment debt...

...

(6) Upon such examination or non appearance... the court may order the judgment debtor to pay the judgment debt either:

- (a) in one sum whether forthwith or within such period as the court may fix; or
- (b) by such instalments payable at such times as the court may fix.

[28] Accordingly, the JDS order prescribes that the JD is required to pay monthly instalments of RM5,000 to the JC until full and final settlement of the judgment debt.

[27] Mahkamah merujuk hujahan balas Penghutang Penghakiman di Lampiran 9 perenggan 2 dan 3 yang mana dinyatakan bahawa:



- a) Mahkamah perlu menilai kebolehan Penghutang penghakiman membayar hutang penghakiman;
- b) Mendapatkan (discovery) harta yang boleh digunakan untuk pembayaran
- c) Pelupusan harta yang telah dibuat oleh Penghutang Penghakiman;

dan penilaian ini mestilah berdasarkan buku-buku kertas/dokumen dalam posesi atau kuasa Penghutang Penghakiman terhadap harta tersebut.”

- [28] Mahkamah yakin peguamcara Penghutang Penghakiman sendiri sedar itulah sebenarnya yang dibuat oleh Mahkamah sepanjang prosiding tindakan Saman Penghutang Penghakiman di sini. Mahkamah telah cuba bukan sahaja melalui satu wakil tetapi telah mengingatkan Penghutang Penghakiman untuk menghantar wakil (setelah kebenaran diberikan untuk YB Dato Haji Azmi Bin Rohani dikecualikan) yang ada maklumat dan boleh membantu Mahkamah. Kes juga ditangguhkan 2 kali untuk wakil yang hadir membekalkan dokumen-dokumen/buku-buku/akuan-akaun/ledger dan apa juarujukan yang dapat membantu pihak-pihak. Akhirnya, wakil yang hadir cuma menyatakan kesemua maklumat adalah “rahsia”.



- [29] Mahkamah akur bahawa dalam satu-satu keadaan terutama melibatkan kerajaan Negeri/Kerajaan Persekutuan dan keadaan tertentu, maklumat-maklumat rasmi tidak boleh didedahkan kepada umum sewenang-wenangnya. Walaupun melalui perintah Mahkamah, ada perkara-perkara yang Mahkamah tidak perlu memaksa sesuatu pihak untuk menzahirkan apa yang dikatakan sulit dan rahsia. Walaupun begitu, dengan apa maklumat yang telah dibekalkan oleh wakil Penghutang Penghakiman (walaupun tidak secara terperinci), Mahkamah mendapati bahawa SSI berkeupayaan untuk membayar jumlah yang dituntut oleh Penghutang Penghakiman.
- [30] Oleh demikian, hujahan pihak-pihak samada seksyen 114(g) Akta Keterangan 1950 tidak perlulah diulas oleh Mahkamah dalam prosiding ini.
- [31] Mahkamah cukup dengan keterangan yang ada samada menerusi keterangan lisan dan dokumen yang dikemukakan di Mahkamah ini dalam memutuskan keupayaan Penghutang Penghakiman.
- [32] Pada akhirnya, penghakiman yang direkodkan secara mutlak dan tidak disangkal ini harus juga dibayar. Mahkamah mempunyai budibicara untuk memberi perintah pembayaran secara ansuran



atau secara sekaligus atau sebagainya mengikut kesesuaian dan budibicara selepas pemeriksaan dijalankan.

- [33] Dalam tindakan ini, Mahkamah mengarahkan pembayaran sekaligus memandangkan Mahkamah mendapati bahawa Pengutang Penghakiman mempunyai keupayaan berbuat demikian dan dalam masa yang sama, walaupun telah diminta oleh Mahkamah untuk cadangan penyelesaian, Pengutang Penghakiman tidak pernah memberikan apa-apa cadangan dan menunjukkan kesungguhan untuk menyelesaikan tuntutan.
- [34] Tambahan pula, jika dilihat, penghakiman ini direkodkan pada 26/11/2019. Tiada apa-apa bayaran atau perbincangan penyelesaian dibuat oleh Pengutang Penghakiman dari tempoh tersebut dan hanya pada bulan April 2022, Pemutang Penghakiman mengambil tindakan Saman Pengutang Penghakiman terhadap SSI di Mahkamah ini.
- [35] Mahkamah percaya dengan keupayaan Pengutang Penghakiman, jumlah penghakiman tersebut dapat diselesaikan secara sekaligus dalam tempoh 3 bulan yang dinyatakan dalam perintah.
- [36] Dalam peruntukan Seksyen 4 Saman Pengutang Penghakiman, penama yang dinamakan dalam Saman Pengutang Penghakiman (dalam kes ini YB Dato Haji Azmi Bin Rohani) boleh dikomitkan ke



penjara jika perintah Mahkamah di sini gagal dipatuhi. Walaupun dalam prosiding Mahkamah, wakil kepada Penghutang Penghakiman dibenarkan hadir bagi pihak SSI, penama yang dinamakan dalam Saman Penghutang Penghakiman adalah pihak yang perlu bertanggungjawab dan akan dikomitkan ke penjara.

[37] Dalam kes **AZLIN AZRAI LAN HAWARI v. UNITED OVERSEAS BANK (MALAYSIA) BHD & OTHER APPEALS** juga menyentuh berhubung perintah pengkomitan ke penjara

[20] The JDS order (read together with the JDS appeal order) is governed by s. 4(7) of the Debtors Act 1957 where the JD is subjected to committal proceedings in the event of default of the JDS order and the JDS appeal order. Section 4(7) of the same reads:

If the judgment debtor makes default in payment according to any such order, a notice in the form prescribed by rules of court may be issued, on the request of the judgment creditor, calling upon judgment debtor to attend before the court at a time therein stated and show cause why he should not be committed to prison for such default.

It is explicit that if there is default in the payment of instalments, the only remedy is to commence committal proceedings as provided under s. 4(7) of the same.



- [38] Mahkamah telah berpuashati sepanjang perbicaraan prosiding pemeriksaan Saman Penghutang Penghakiman di sini dan mendapati bahawa pihak Pemutang Penghakiman telah berjaya menunjukkan dan membuktikan keupayaan penghutang penghakiman membayar atau menyelesaikan hutang penghakiman yang direkodkan.
- [39] Oleh demikian, Mahkamah memerintahkan sebagaimana perintah bertarikh 20/9/2022 tersebut.

Disediakan oleh

Sazlina Safie

.....
Sazlina Bt Safie
Pengarah Pusat Mediasi @
Hakim
Mahkamah Sesyen 4 Johor Bharu.
Tarikh :6/11/2022

Peguamcara Pemutang Penghakiman:
YONG WEE CIH
[Tetuan K H LOO & CO.]

Peguamcara Penghutang Penghakiman:
NOR AISHAH BINTI ABDUL RAHMAN
[Tetuan AISHAH A RAHMAN]

